

Kriteria baru untuk imbangi ekonomi negara

KUALA LUMPUR, Khamis — Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, mengumumkan satu set kriteria dalam usaha mengimbangkan ekonomi Malaysia.

Katanya, mulai tahun depan, setiap jabatan kerajaan dan kementerian hendaklah mengemukakan rancangan-rancangan aliran tunai tiga bulan sekali kepada Perbendaharaan dan Unit Perancang Ekonomi bagi mewujudkan pengurusan kewangan yang lebih berkesan.

Waran-waran peruntukan kepada jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian juga akan dikeluarkan tiga bulan sekali dan dengan ini akan menghentikan sistem tahunan sekarang.

Tengku Razaleigh berkata demikian dalam dialog selepas belanjawan Institut Pengarah-Pengarah Malaysia (MID), terdiri daripada eksekutif-eksekutif kanan syarikat-syarikat, di sini malam tadi.

Seolah-olah mencerminkan kebimbangan berhubung dengan pembaziran wang kerajaan seperti yang ditonjolkan dalam laporan-laporan Ketua Audit Negara, Tengku Razaleigh berkata, jabatan-jabatan dan kementerian yang tidak mengatur perbelanjaan mereka dengan teliti akan dikenakan tindakan tegas.

Beliau juga mengumumkan yang kerajaan sedang merunding semula komitmen-komitmen berkontrak bagi projek-projek produktif, manakala projek-projek jangka panjang akan sama ada ditangguhkan atau dijadualkan semula selaras dengan potongan belanjawan.

"Kami sedang berunding semula dengan para kontraktor supaya projek-projek itu dilaksanakan dalam jangka masa yang lebih panjang dari tempoh yang dipersetujui sebelum ini," jelas beliau.

Langkah-langkah berjimat seumpama itu akan menjamin aliran wang bagi projek-projek membasmi kemiskinan dipergunakan dengan baik.

Tengku Razaleigh bagaimanapun memberi jaminan yang kesemua projek bagi pembasmian tidak akan terjejas oleh potongan itu.

Menteri Kewangan juga berkata, mulai tahun ini hingga 1985, satu paras siling akan juga ditetapkan bagi peruntukan belanjawan untuk kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan.

Sambil menyebut 1983 sebagai paras rujuk, Tengku Razaleigh berkata, kedua-dua perbelanjaan pembangunan dan pengurusan telah dipotong dalam usaha mengurangkan jurang kurangan imbalan pembayaran. — Bernama.